

**Pembangkang Kutuk CBT Tapi Tidak Sedia Alternatif - Najib
Bernama
3 Mei, 2014**

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak membidas pembangkang yang mengutuk kerajaan kerana mahu melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) pada April tahun depan.

Beliau berkata sebaliknya, pembangkang yang tidak bersetuju dengan pelaksanaan cukai itu tidak pernah mengemukakan alternatif bagi menggantikan CBP.

"Pembangkang buat demonstrasi pada 1 Mei lepas tetapi sebenarnya kalau dia tidak setuju dengan CBP, bagilah alternatif tetapi kita tidak dengar apa alternatif mereka.

"Cuma dia naik pentas kutuk kerajaan, kutuk sahaja tanpa berikan alternatif yang baik untuk negara," katanya ketika melancarkan Majlis Senator Malaysia (MSM) dan logo majlis itu di Bangunan Parlimen di sini, Sabtu malam.

Turut hadir isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor, Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Abu Zahar Ujang dan Presiden MSM Senator Datuk Abdul Rahim Abdul Rahman.

Najib, yang juga Menteri Kewangan, berkata cara itu tidak mencerminkan pembangkang yang mewakili masyarakat berintelektual kerana mereka sentiasa inginkan input yang lebih rasional mengenai sesuatu perkara.

Menurutnya kerajaan mempunyai asas rasional yang cukup konkrit untuk melaksanakan CBP di negara ini.

"Lebih 160 buah negara sudah perkenalkan CBP, kita patut sedar bahawa inilah jalan terbaik untuk menjamin masa depan negara," jelas beliau.

Perdana Menteri juga berkata beliau menyokong penuh MSM, yang ditubuh tahun lepas dan dibuka kepada semua anggota Dewan Negara dari Barisan Nasional (BN) dan bekas Senator BN.

Beliau berkata dengan kepelbagaian latar belakang dan kepakaran Senator, kualiti perbahasan Dewan Negara dilihat semakin meningkat.

"Dengan pelbagai latar belakang, ia meningkatkan mutu perbahasan dan boleh mengimbangi Dewan Rakyat bukan sahaja dari sudut dasar-dasar yang dibawa mana-mana parti politik, tetapi apabila sampai ke Dewan Negara ia boleh membawa perspektif yang berbeza," katanya.

Beliau berkata dengan keseimbangan ini akan memberi manfaat yang besar kepada kerajaan dan memberi input yang bermakna untuk kepentingan rakyat.

Najib berkata Dewan Negara tidak seharusnya dilabel sebagai 'rubber stamp' oleh sesiapa pun kerana peranan yang dimainkan oleh para Senator juga cukup penting dalam menggubal undang-undang.

"Saya diberitahu bahawa perbahasan dalam dewan sangat rancak kebelakangan ini sehingga baru-baru ini Dewan Negara mencatat sejarah perbahasan sehingga 12.43 pagi kerana ingin meluluskan usul titah Diraja," katanya.

Mengenai peruntukan tambahan untuk elaun anggota Dewan Negara, Najib berkata beliau akan membincangkan dengan Kementerian Kewangan mengenai perkara itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1035530>